

938

U B160 AAB
MAHATHIR - VIJANDRAN

KUALA LUMPUR, 23 FEB (BERNAMA) -- PENGGANTI ENCIK D.P.VIJANDRAN SEBAGAI TIMBALAN SPEAKER DEWAN RAKYAT BELUM DIFIKIRKAN; KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

+DIA YANG BUAT KEPUTUSAN UNTUK MELETAKKAN JAWATAN, BUKAN KITA,+ KATA BELIAU KETIKA DISOAL OLEH PEMBERITA SELEPAS MELETAKKAN BATU ASAS TAPAK INSTITUT JANTUNG NEGARA DI JALAN TUN RAZAK, DI SINI, HARI INI.

KETIKA DITANYA SAMA ADA JAWATAN ITU AKAN DIBERIKAN KEPADA MIC, PERDANA MENTERI BERKATA: +SAYA TIDAK ADA KOMEN.+

PERDANA MENTERI KETAWA BESAR APABILA SEORANG PEMBERITA MENYOAL APAKAH DISEBABKAN PARLIMEN AKAN DIBUBARKAN TIDAK LAMA LAGI MAKA JAWATAN ITU TIDAK AKAN DIISI.

PRESIDEN MIC, DATUK SERI S.SAMY VELLU, BERKATA DI KANGAR SEMALAM BAHAWA ENCIK VIJANDRAN MENELEFONNYA DARI LONDON BAGI MEMBERITAHUNYA MENGENAI KEPUTUSANNYA (ENCIK VIJANDRAN) UNTUK MELETAKKAN JAWATAN. -- LAGI

2027MST 23 02 90

0940

U B161 AAB
MAHATHIR - VIJANDRAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGESAHKAN BAHAWA MALAYSIA MENARIK DIRI DARIPADA MENYOKONG KONVENSYEN 105 PERTUBUHAN BURUH ANTARABANGSA (ILO) SEPERTI YANG DILAPORKAN OLEH AKHBAR SEMALAM.

BELIAU BERKATA PERTUBUHAN ITU SENTIASA SAHAJA MENGECEM MALAYSIA DAN TIDAK SENANG DENGAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN YANG BERJALAN BAIK DI NEGARA INI.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, PERTUBUHAN ITU MENUDUH MALAYSIA MENJALANKAN KEGIATAN +BURUH PAKSA+ APABILA MENGGUNAKAN BANDUAN UNTUK KERJA-KERJA TERTENTU SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA HUKUMAN MEREKA.

+SAYA NAMPAK PERTUBUHAN ITU TIDAK ADA MINAT UNTUK MENGAMBIL BERAT MASALAH NEGARA MEMBANGUN,+ KATANYA. -- BERNAMA

2029MST 23 02 90